

13/04/2000

Malaysia tidak setuju kehendak Singapura

Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu - Malaysia tidak akan tunduk dengan kehendak Singapura untuk menyelesaikan semua masalah yang dihadapi negara dengan republik itu, dengan perjanjian bekalan air seperti yang dikehendaki mereka, kata Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Nazri Aziz.

Beliau yang mewakili Kementerian Luar ketika menggulung perbahasan Belanjawan 2000 peringkat jawatankuasa kementerian berkenaan berkata, republik itu akan mencari `benda-benda lain' untuk menjadi penghalang kepada usaha memulihkan hubungan baik dua hala, selagi Malaysia `tidak mahu memberikan bekalan air mentah seperti yang dikehendaki'.

Nazri berkata, usaha Singapura itu adalah jelas dalam tindakan mereka enggan membenarkan rakyat negara ini yang pernah bekerja di republik itu untuk mengeluarkan caruman CPF mereka, walaupun Perdana Menteri, Goh Chok Tong, dalam pertemuan dua hala dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Hanoi, pada 1998, bersetuju untuk menyelesaikan masalah itu dalam tempoh dua tahun.

"(Dalam isu CPF) Apa yang hendak kita tanya ialah kenapa syarat (tidak boleh mengeluarkan caruman) hanya dikenakan di Semenanjung Malaysia saja, sedang Sabah dan Sarawak tidak dikenakan.

"Ini maknanya ada usaha untuk cuba menghidupkan isu bahawa Malaysia ini bukan termasuk Sabah dan Sarawak... mereka cuba hendak membahagi-bahagikan negara Malaysia ini.

"Bila kita siasat dengan negara lain, Indonesia boleh (keluarkan CPF), Thailand boleh, Malaysia tidak boleh. (Justeru) Kita hendak tahu apakah rasional di sebalik membahagi-bahagikan Malaysia antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak, dan yang membezakan negara Asean lain dengan Malaysia," katanya.

Dalam pertemuan dua hala antara Dr Mahathir dan Goh ketika Sidang Kemuncak Asean di Hanoi pada November 1998, kedua-dua Perdana Menteri bersetuju untuk menyelesaikan semua masalah bersama dalam satu pakej khas.

Antara kandungan pakej terbabit ialah penyelesaian masalah kepada bekalan air ke republik itu, penggunaan ruang udara, CPF, isu perpindahan pusat pemeriksaan Kastam dan Imijeresen Malaysia dari Tanjung Pagar ke Woodlands.

Menjawab soalan Husam Musa (Pas-Kubang Kerian), Nazri berkata susulan persetujuan itu ialah pegawai kedua-dua negara sudah mengadakan tiga mesyuarat setakat ini iaitu dua di Singapura dan satu di Malaysia, tetapi tidak ada sebarang keputusan dicapai.

"Kalau ada mesyuaratpun cuma macam orang kata cuma buat syarat saja nak berjumpa, tetapi kita tahu selagi dia (Singapura) tidak mendapat air seperti yang dipohonkan selagi itu dia akan cari benda-benda lain untuk menjadi penghalang kepada usaha kita (untuk memulihkan hubungan dua hala)," katanya.

Mengulas lebih lanjut mengenai isu CPF, Nazri berkata ketika di Hanoi Goh bersetuju untuk membenarkan rakyat Malaysia yang mempunyai caruman terbabit mengeluarkan simpanan mereka secara beransur-ansur, tetapi dengan syarat kelonggaran itu dapat dilakukan selepas persetujuan menyeluruh kepada pakej rundingan antara kedua-dua negara dicapai.

"Maknanya dia hendak kita selesaikan dulu kes air, baru nak bagi duit orang... ada kena mengena duit pekerja Malaysia yang bersusah payah bekerja.

"Duit itu hendak digunakan sebagai cagaran untuk mereka dapatkan

perjanjian bekalan air mengikut kehendak mereka... ini yang tidak adil, kalau tak jadi satu pakej takkan selesai.

"Kita kena mengendalikan perkara ini dengan berhati-hati, tetapi jangan sampai orang kata menghakis hak kita. Kita tidak akan tunduk dalam hal ini kita akan pastikan hal air hal air, hal macam duit ini (CPF) duit orang..." katanya.

Ketika ini caruman CPF pekerja Malaysia di Singapura ialah S\$1 bilion atau kira-kira RM2.26 bilion. Pekerja di Semenanjung Malaysia yang berhenti bekerja di republik itu hanya dibenar mengeluarkan simpanan mereka apabila berumur 50 tahun, iaitu selepas membuktikan mereka tidak lagi bekerja di sana dua tahun sebelumnya.

Manakala perjanjian bekalan air antara Malaysia dan Singapura akan berakhir pada 2061. Mengikut perjanjian sedia ada, Malaysia menjual air mentah kepada Singapura pada harga tiga sen seliter, manakala Singapura menjual semula air yang telah diproses kepada Malaysia pada harga 50 sen seliter.

Selain daripada faktor fizikal, Nazri berkata perasaan cemburu terhadap kemajuan Malaysia sehingga dianggap sebagai ancaman juga adalah antara faktor hubungan dua hala Malaysia-Singapura sering menghadapi masalah.

"Inilah masalahnya kerana kejayaan kita (Malaysia), dia (Singapura) tengok apa kita buat sudah tentu ada perasaan cemburu kerana dia lihat kita sebagai pesaing dan kadang kala dia rasa sensitif seperti pelabuhan yang dia mahukan kita gunakan pelabuhannya.

"Sudah tentu kalau dia rasa terancam, sekali sekala dia akan lakukan sesuatu supaya kita tidak fokus apa yang kita nak buat," katanya.

Beliau berkata, Singapura berasa terancam dengan tindakan Malaysia yang membina pelabuhan sendiri menyebabkan negara ini tidak lagi menggunakan pelabuhannya.

Terdahulu hampir semua Ahli Parlimen yang berucap menyentuh mengenai hubungan dua hala Malaysia-Singapura, serta kejadian terbaru membabitkan tulisan seorang penulis Straits Times Singapura yang menghina pemimpin tertinggi negara serta sistem demokrasi Malaysia.

Antara mereka, Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulung), Datuk Mohamad Ali Hassan (BN-Tebrau), Datuk Mohamad Aziz (BN-Sri Gading) dan Datuk Jamaluddin Jarjis (BN-Rompin) berkata sudah tiba masanya Malaysia tidak lagi mengambil sikap mengalah dan bertolak ansur dengan republik berkenaan.

Malahan mereka mendesak kerajaan supaya bersikap lebih tegas terhadap sikap 'kurang ajar' Singapura dengan merekodkan semua masalah dua hala yang dicetuskan republik itu sejak ia keluar dari Malaysia pada 1965.

(END)